


MAISARAH kini belajar Sains Biokimia di UPM.



Siti Fatimah Hassan  
sfhassan@hmetro.com.my

#### Serdang

**B**agi saya, menjadi seorang pelajar aktif di universiti bukan perkara yang menyusahkan. Gunakanlah peluang yang ada sebaiknya untuk tingkatkan kualiti diri," kata pelajar jurusan Sains Biokimia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Maisarah Mohamed Zakaria.

Pelajar berusia 22 tahun yang kini dalam semester ketiga aktif dalam aktiviti kebudayaan di UPM dan mempunyai minat mendalam terhadap seni muzik tradisional.

Tanpa mengabaikan fokus dalam kuliah, dia menggerakkan minatnya seiring dengan pelajaran, malah pembabitannya secara aktif itu membolehkannya diiktiraf

**Penerima Anugerah Pemimpin Harapan 2016 di UPM bercita-cita jadi penyelidik agrikultur**

# MAISARAH, MUZIK & BIOKIMIA



**“**Walaupun aktif, saya tidak mengabaikan pelajaran dan kita perlu tahu bagaimana untuk menguruskan masa supaya ia seimbang. Cita-cita saya adalah untuk berkecimpung dalam bidang agrikultur sebagai penyelidik"

Maisarah

BERCITA-CITA berkecimpung dalam agrikultur sebagai penyelidik.

## KOLUM BARU

sebagai penerima Anugerah Pemimpin Harapan 2016 di UPM.

Menurut Maisarah, minat terhadap seni kebudayaan diterapkan sejak di bangku sekolah lagi dan dia mengambil peluang yang ada di universiti untuk mendalami muzik gamelan.

"Ketika berada di Pusat Asasi Sains lagi, saya mula tertarik dengan muzik gamelan dan kemudiannya terus menceburkan diri secara aktif. Memang saya akui, seni muzik tradisional kurang diminati generasi muda."

"Saya bertuah kerana ibu bapa minat terhadap lagu tradisional termasuk muzik kerongcong."

"Apabila memulakan pengajian di UPM, saya menyertai pula Kelab Cak Lempong dan begitu gembira kerana dapat belajar perkara baru," katanya.

Selain kebudayaan, Maisarah turut mengasah dirinya dengan ilmu kepimpinan menerusi jawatan yang dipegangnya sebagai Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM 2015/2016.

Dia juga pernah terbabit sebagai Delegasi Malaysia sempena



Persidangan Wanita ASEAN dalam Politik di Kuala Lumpur pada tahun lalu.

Menurut Maisarah, apa yang dikehjarnya bukanlah senarai panjang pembabitan dalam pelbagai aktiviti, tetapi ia lebih kepada merebut peluang dan ilmu baru yang disediakan.

Katanya, pembabitannya dalam aktiviti kebudayaan tidak terhenti di situ kerana pada masa sama dia turut didekah dengan ilmu pengurusan acara kebudayaan di UPM.

"Sebenarnya ia menambah kemahiran dan komunikasi dalam menguruskan acara. Ia menambah keyakinan diri dan sifat kepimpinan juga dibentuk."

secara tidak langsung apabila diberi peluang menguruskan perjalanan acara dari awal hingga akhir," katanya.

Menurutnya, rasa kecintaannya terhadap seni muzik tradisional akan kekal menjadi minat dan hobi kerana dia tetap akan mengejar cita-cita untuk bergelar seorang penyelidik satu hari nanti.

"Walaupun aktif, saya tidak mengabaikan pelajaran dan kita perlu tahu bagaimana untuk menguruskan masa supaya ia seimbang. Cita-cita saya adalah untuk berkecimpung dalam bidang agrikultur sebagai penyelidik."

"Segala ilmu yang saya peroleh daripada universiti sama ada dalam bilik kuliah atau luar, ia memberi satu kelebihan buat saya supaya lebih bersedia untuk keluar berdepan dunia luar," katanya.

## PROFIL

**Nama:** Maisarah Mohamed Zakaria  
**Umur:** 22 tahun  
**Tarikh Lahir:** 29 April 1994  
**Asal:** Kampung Melayu Subang, Shah Alam, Selangor

**Adik-beradik:** Anak kelima daripada enam beradik

**Pendidikan:** Sains Biokimia, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, UPM  
**Cita-Cita:** Penyelidik,